

## **BUKU TEKS SEJARAH SEBAGAI HISTORIOGRAFI RASMI: ANALISIS PERBANDINGAN MALAYSIA-SINGAPURA**

Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*adibakmal@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Buku teks sejarah sebagai rekonstruksi masa lalu kerap kali dipermasalahkan di Malaysia. Ia bukan sahaja dipolemikkan para akademik dari pelbagai bidang, tetapi turut mengundang suara masyarakat awam. Masyarakat mempersoalkan isi kandungan dan orientasi penulisan buku teks, malah mengharap ia diperhalusi kembali. Sasaran kritik lazimnya terhalu pada cakupan teks yang dilihat tidak inklusif dalam menggambarkan kepelbagaian sosial. Penglibatan pemerintah dalam proses pembinaan naratif secara umumnya dinilai sebagai tenaga utama yang mendorong teks tersebut bercorak idealistik. Pandangan ini mengukuh apabila inti pati wacana buku teks biasanya kelihatan selaras dengan aspirasi politik pemerintah, khususnya dalam hal berkait identiti dan gagasan pembinaan bangsa. Fenomena ini bukan sahaja mengheret buku teks dan naratifnya ke tengah krisis persetujuan kolektif, tetapi juga telah meletakkan ia sebagai subjek pertentangan dalam ‘politik sejarah’ yang dinamik. Kertas kerja ini menghujahkan, ‘politik sejarah’ yang berlaku di Malaysia bukan sahaja rancak ekoran fakta penglibatan pemerintah, tetapi juga terkait dengan status buku teks sebagai ‘historiografi rasmi’. Ekoran kedudukan tersebut, individu dan kumpulan sosial tertentu merasa wajar naratif buku teks bersifat lebih terangkum untuk mewakili kepelbagaian pengalaman sejarah yang wujud di negara ini. Selain meneliti kes Malaysia, kertas ini akan menyentuh sedikit perkembangan di Singapura sebagai perbandingan.

**Kata kunci:** Buku teks sejarah, historiografi rasmi, politik sejarah, Malaysia, Singapura.

### **PENDAHULUAN**

Antara persoalan yang kerap kali dipertentangkan dalam kehidupan sosial masyarakat majmuk adalah identiti. Pertentangan itu mempunyai hubung kait rapat dengan proses pembinaan bangsa yang kini masih berlangsung dan dipermantapkan di beberapa buah negara. Peneguhan identiti nasional secara tidak langsung mencair identiti kumpulan sosial yang heterogen sifatnya. Smith (1991) dalam hal ini berhujah, identiti kumpulan majoriti ialah pertimbangan utama yang biasa digunakan sebagai penanda identiti nasional. Identiti kumpulan lain pula dalam hal ini lazimnya cenderung menjadi ‘pinggiran’ (Kymlicka, 1998). Intensiti ini secara umumnya telah berfungsi sebagai latar belakang yang mencetus politik identiti bagi kebanyakan negara. Dari situ, adalah lazim aset, simbol dan instrumen pembinaan bangsa yang homogen dipermasalahkan. Termasuk dalam konteks ini adalah buku teks sejarah yang kerap kali mengundang kritikan.

## **KRITIKAN BUKU TEKS**

Dalam konteks Malaysia yang masih menggerakkan upaya pembinaan bangsa (Shamsul, 2011) kritikan ke atas orientasi serta tujahan perbincangan buku teks sejarah adalah suatu kelaziman. Santhiram (1997) dalam kajiannya tentang kurikulum, secara jelas mempermasalahkan inti pati perbincangan buku teks sejarah yang dianggap ‘berat sebelah.’ Kepadanya, buku teks berkenaan terlalu tertumpu pada pengkisahan sejarah etnik Melayu, sehingga sumbangan komuniti lain di dalam proses membangunkan negara menjadi tersisih. Ia diujahkan bukan sahaja membataskan cakupan perbincangan, malah, dari sisi fungsionalnya, menyekat rasa kesepunyaan masyarakat ke atas negara Malaysia. Kritik yang hampir sama diutarakan oleh Cheah (2003) dalam sebuah makalah beliau. Selain turut mengujahkan kedapatan elemen berat sebelah yang ketara dalam buku teks, Cheah juga cuba menarik perhatian berkaitan usaha pemerintah menjadikan wacana tersebut wadah menegakkan nasionalisme etnik di Malaysia.

Kritik yang lebih struktural sifatnya dalam konteks perkaitan buku teks dengan gagasan pembinaan bangsa telah dikemukakan oleh Sandra (2005). Beliau melihat wujudnya keselarisan antara orientasi perbincangan buku teks dengan inti pati dasar awam pemerintah—yang rata-rata menjurus pada penegakan identiti masyarakat Melayu di negara ini. Wacana buku teks dilihat sebagai cabaran pada pembinaan bangsa, apabila perbincangannya seakan memberi gambaran bahawa Malaysia adalah negara milik masyarakat Melayu. Asas kritikan Sandra boleh difahami lebih mendalam dengan meneliti perbincangan Helen (2009). Secara tegas, Helen berpandangan wacana berkait ketuanan Melayu dalam buku teks merupakan konstruk ideologikal pemerintah untuk mendukung gagasan mereka tentang bangsa. Menurutnya, dengan terapan kefahaman ini bukan sahaja kewargaan masyarakat Cina dan India di Malaysia telah disalahfahami, malah, ia menyulitkan pula usaha-usaha menyatupadukan masyarakat sebagai sebuah bangsa.

Selain penyuaaran para akademik, masyarakat sivil turut memperlihatkan keprihatinan mereka terhadap inti perbincangan buku teks. ‘Kempen Sejarah Malaysia Sebenar’ (KemSMS) antara organisasi yang pernah aktif dalam akvokasi awam untuk mendesak pemurnian wacana buku teks diusahakan. Secara umum, organisasi ini mempermasalahkan tahap keterangkuman buku teks yang dilihat kurang memberi perhatian pada diversiti sosial di Malaysia. Buku teks dipandang cenderung berpegang pada paradigma Melayu-Islam dalam wacananya, hingga telah menyampingkan fakta kepelbagaian budaya di negara ini (A. Bakar, 2011). Lantaran itu, pihak KemSMS telah menggesa pihak berwajib membuat semakan semula ke atas buku teks, dengan lebih memberatkan paradigma multikulturalisme Malaysia (*Centre for Policy Initiative*, 2011).

Secara selapis, reaksi-reaksi ini memang merupakan satu bentuk kritikan teks. Apa yang dipermasalahkan oleh pihak terbabit adalah inti pati buku teks yang dianggap tidak menyeluruh dan terbatas rangkumannya. Pemurnian wacana buku teks dituntut atas nama kebenaran sejarah dan autonomi ilmu pengetahuan. Namun, bagi memahami motivasi sebalik kritikan-kritikan ini, sandaran kepada hal yang disebutkan tadi nyata sekali tidak memadai. Seperti hujah Liu (2012), sejarah bukan semata-mata teks akademik, sebaliknya ia merupakan instrumen penting di dalam mengurus hubungan sosial sesebuah masyarakat. Persoalan hak serta kewajaran tindakan untuk sesebuah kumpulan sosial amat terkait dengan tahap representasi mereka melalui historiografi. Justeru, siapa yang ‘dominan’ di dalam teks, akan mempunyai ‘suara’ yang lebih bagi menuntut, mencadang, mengurus, bahkan, menentukan tingkat penguasaan mereka ke atas komuniti lain

dalam kehidupan semasa. Oleh kerana itu, seperti dibayangkan dalam bahagian pengenalan tadi, reaksi-reaksi sebegini harus juga dipertimbangkan dalam kerangka ‘kritikan ideologi.’

Duara (1996) dalam tafsirannya tentang pertentangan ideologi ini telah menghujahkan, manusia selain dari memiliki pandangan alam (*world-view*), turut juga mempunyai pandangan bangsa (*nation-view*) mereka tersendiri. Pandangan bangsa inilah yang akan mempengaruhi cara mereka menilai sebarang instrumen pembinaan bangsa, dan kemudian menentukan sama ada ianya boleh diterima atau tidak. Hujah ini mempunyai keselarisan dengan pandangan Shamsul (1996), bahawa setiap komuniti dalam negara memiliki ‘bangsa idaman’ (*nation of intent*) mereka yang tersendiri. Sama ada intra mahupun inter-etnik, masyarakat Malaysia mempunyai bayangan serta kemahuan khusus ke atas rupa-bentuk bangsa yang ingin dijelmakan di negara ini. Munculnya beberapa bentuk bangsa idaman dalam sesebuah negara bukan sahaja telah menyukarkan proses pembinaan bangsa, malah, menyebabkan kebanyakan simbol dan instrumennya—termasuklah sejarah—dipertentangkan dengan rancak. Secara umumnya inilah kerangka yang dilihat melatari kritik-kritik ke atas buku teks yang diperkatakan tadi.

## **POLITIK HISTORIOGRAFI RASMI**

Pembinaan bangsa sebagai sebuah projek sosio-politik mempunyai perkaitan yang rapat dengan nasionalisme sesebuah negara. Andainya penjelmaan bangsa adalah matlamat dan cita-cita ideal, nasionalisme—sama ada sebagai ideologi mahupun gerakan politik—pula bertindak sebagai agen untuk menjayakannya. Sungguhpun seperti dibayangkan oleh Duara dan Shamsul, nasionalisme boleh muncul dalam variasi idea berbeza, namun, di kebanyakan negara, nasionalisme bawaan kumpulan majoriti dilihat paling dominan (Smith, 1989). Atas dasar populasi dan penguasaan semasa, idea berkaitan bangsa yang didukung oleh kumpulan majoriti sukar dicabar. Di dalam konteks dunia ketiga, pengaruh idea kumpulan majoriti tambah ketara ekoran penglibatan aktif pemerintah melalui projek pembinaan bangsa (Haynes, 1997). Dasar-dasar awam pemerintah, khususnya yang berkait simbol serta identiti bangsa, telah memperlihatkan pertimbangan berat pada aset sejarah dan budaya kumpulan majoriti. Di Malaysia, kecenderungan ini boleh dinilai berpandu dua dasar utama yang menunjangi identiti nasional, iaitu, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kedua-duanya telah memberatkan bahasa dan kebudayaan masyarakat Melayu sebagai penanda utama identiti nasional di Malaysia (Aziz, 1987 & Ramlah, 1998). Meskipun seperti yang diperlihatkan oleh Roff (1967), Saran Kaur (2005), Ahmat Adam (2013) serta Mohamed Mustafa (2014), bahawa masyarakat majmuk di Malaysia tidak sebulat suara menerima ciri Kemelayuan sebagai komponen utama dasar-dasar tersebut, namun, ianya tetap diteruskan sebagai wahana pemangkin bangsa. Goh (2008) dalam hal ini menyifatkan ia adalah tanda kuatnya tenaga nasionalisme kumpulan majoriti, dengan pemerintah sebagai agen pelaksana utama, hingga telah berlaku suatu bentuk hegemoni budaya di Malaysia.

Bingkai kefahaman serupa boleh diterapkan bagi memahami sifat dan orientasi wacana buku teks sejarah. Sekiranya dasar berkenaan bahasa serta budaya menyerlah sebagai instrumen pembinaan bangsa dalam pengertian ia berfungsi ‘mencipta’ simbol-simbol kolektif, buku teks sejarah pula berperanan dengan cara yang lebih implisit. Menurut Ann (2003), walaupun buku teks sejarah tidak secara langsung mencipta simbol kolektif, namun ia telah memberikan ‘cerita nasional’ kepada masyarakat sesebuah negara. Cerita nasional ini secara naratif telah menyedia

asas kesedaran sejarah pada rakyat tentang keadaan asal negara, perkembangannya, kumpulan dominan, peranan pemimpin dan pelbagai elemen lain yang berlegar pada tema pembangunan sosio-politik sesebuah wilayah. Ia dijadikan asas untuk masyarakat mengenal masa lalu negara, lantas memikirkan tentang kedudukan diri dan komunitinya dalam wilayah berkenaan—melalui pertimbangan semasa. Dengan pendedahan serta penghayatan ke atas naratif buku teks sejarah inilah, persetujuan khalayak terhadap idea nasionalisme yang ‘mendominasi’ proses pembinaan bangsa di sesebuah negara itu dilenturkan (Abd. Ghapa, 2012).

Lantaran buku teks sejarah secara implisit telah berfungsi sebagai instrumen pembinaan bangsa, maka, orientasi serta inti patinya juga terikat dengan perspektif nasionalisme kumpulan majoriti. Untuk menjamin keutuhan perspektif itu, pemerintah sebagai aktor utama pembinaan bangsa kebiasaannya akan mengawal isi kandungan buku teks (Alonso, 1988 & Berger, 2006). Dalam hal ini, Abd. Ghapa (2011) menjelaskan, naratif buku teks sejarah, sepertimana wacana sejarah peringkat lain, adalah konstruk sejarawan. Apa yang diperkatakan dalam historiografi, hanyalah gambaran semula sejarah faktual hasil binaan seseorang pengkaji melalui penerapan cara-pandang tertentu. Justeru, ianya berkait rapat dengan proses pemikiran seseorang peneliti. Bagi kes buku teks, cara-pandang pemerintah ke atas sejarah diterapkan dengan ketara melalui proses ‘pemilihan’ serta ‘peminggiran’ terhadap pelbagai perkembangan masa lalu. Hanya hal-hal yang dianggap signifikan dan selari dengan matlamat sosio-politik pemerintah sahaja diberi penekanan utama dalam naratif buku teks. Secara ontologinya, hujah ini terbukti apabila wujud keselarian fokus antara inti pati naratif buku teks dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang mengutamakan identiti Kemelayuan (Mohd Adib & Zubaidah, 2016). Kerana itu, sebagai asas utama penulisannya tadi, Abd. Ghapa berpandangan buku teks yang menjadi tunjang pendidikan sejarah adalah sebahagian dari dasar awam sesebuah negara. Kedudukan ini dirumuskan oleh Partington (1985) sebagai petanda bahawa, inti pati buku teks sejarah adalah cerminan ‘historiografi rasmi’ bagi sesebuah negara. Ia adalah versi historiografi yang diabsahkan pemerintah dan menjadi asas utama kepada binaan kesedaran sejarah anggota masyarakat melalui lapangan pendidikan (Mohd Adib & Zubaidah, 2016).

Memiliki kedudukan rasmi dalam konteks ilmu pengetahuan di sesebuah negara kepada Apple (1993), bererti, ia akan disebarkan secara meluas kepada warga melalui proses pedagogi. Ilmu pengetahuan yang disifatkannya sebagai ‘*legitimate knowledge*’ ini berfungsi menyediakan pendedahan permulaan berkenaan sesuatu realiti untuk para pelajar (Apple, 2004). Kefahaman bersifat asasi yang diperoleh melalui buku teks pada peringkat sekolah ini akan mendominasi cara-pandang pelajar—yang kemudiannya akan menjadi warga negara dewasa—terhadap realiti budaya, ekonomi dan politik di dalam alam sosialnya. Dari sudut ilmu sosial, termasuk sejarah, pengetahuan rasmi yang tersebar melalui proses pendidikan ini akan memberi asas kesedaran tentang peluang, hak dan kedudukan seseorang individu dalam sistem kenegaraannya. Justeru, ilmu pengetahuan rasmi mempunyai keupayaan yang lebih besar bagi mempengaruhi konsepsi seseorang andai hendak dibandingkan dengan bentuk-bentuk pengetahuan lainnya. Lantaran itu pengetahuan rasmi, termasuk buku teks sejarah, kerapnya dikonsepsikan sebagai medium sosialisasi politik sesebuah negara (Rupawan & Zubaidah, 1998).

Di dalam konteks Malaysia, darjah keyakinan pemerintah terhadap keupayaan wacana sejarah sebagai medium sosialisasi politik nampaknya semakin bertambah dari masa ke semasa. Pasca-kemerdekaan, pendidikan sejarah bukanlah suatu kewajipan kepada pelajar di sekolah. Ia hanya sebuah mata pelajaran pilihan semata-mata. Namun, mulai 1989, mata pelajaran ini telah dinaik taraf sebagai subjek teras melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Hanapiah, 1992). Perkembangan ini secara tidak langsung menyebabkan semua pelajar harus mendalami wacana sejarah di sekolah, berdasarkan kurikulum yang seragam. Pengumuman bahawa sejarah akan dijadikan subjek wajib lulus bagi Sijil Peperiksaan Malaysia mulai 2013 (Utusan, 24 Okt. 2010) pula membawa makna, pelajar bukan sahaja harus mengikuti pendidikan sejarah, malahan perlu menekuninya dengan serius, supaya tidak gagal dalam peperiksaan. Mulai 2014, sejarah sebagai mata pelajaran teras telah diperkenalkan pula pada peringkat sekolah rendah (Utusan, 25 Okt. 2010). Keputusan ini dilihat sebagai suatu tindakan struktural, untuk memperkasakan lagi kedudukan wacana sejarah sebagai agen sosialisasi politik di Malaysia. Secara tidak langsung, perkembangan ini mendorong peningkatan darjah kepentingan buku teks sejarah sebagai suatu dokumen historiografi rasmi. Buku teks dalam soal ini berfungsi sebagai bahan rujukan utama melalui sektor pendidikan, pada masa serupa, memainkan peranan lebih luas jika ditimbangkan keupayaannya untuk hal-hal yang lebih mendasar seperti telah ditonjolkan tadi.

Fakta ini dilihat antara faktor susulan yang telah ‘merancakkan’ lagi kritikan buku teks sejarah di Malaysia. Rasa kurang senang ke atas orientasi dan inti pati buku teks tersebut, tidak hanya hadir dari perenungan pihak tertentu tentang epistemologi pembinaan wacana, tetapi juga datang melalui kesedaran mereka tentang ontologi penyebarannya. Kerana itu, dari suatu sudut, kemunculan reaksi yang seakan kurang selesa dengan langkah mewajib kelulusan subjek sejarah pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (lihat misalnya, Malaysiakini, 8 Nov. 2013 & The Sun Daily, 13 Nov. 2013) tidaklah terlalu mengejutkan. Ketetapan itu dianggap sebagai suatu usaha memperkasa fungsi sosial buku teks sejarah sebagai historiografi rasmi Malaysia, yang asas-asas pembinaannya juga masih terus dipermasalahan. Sungguhpun dari perspektif mikro, inilah isu yang dipandang signifikan dalam arus politik sejarah di Malaysia, namun, pada tingkat makro, ia tetap berakar umbi dari persaingan ideologi bangsa yang dihujahkan oleh Duara dan Shamsul. Seperti dipertegaskan oleh Shamsul (2016) dalam sebuah tulisannya, kritik yang timbul lewat persoalan historiografi rasmi ini adalah manifestasi wujud “...‘bangsa idaman’ yang berbeda dengan naratif arus perdana yang berlandaskan ‘Bangsa Malaysia’” (hlm. 15).

### **PERBANDINGAN MALAYSIA-SINGAPURA**

Berlainan dengan perkembangan Malaysia, kritikan-kritikan ke atas wacana buku teks sejarah di Singapura boleh dikatakan agak minima. Walaupun dari segi masyarakatnya, Singapura juga bersifat majmuk dengan Cina, Melayu dan India sebagai tiga etnik utama, namun isu-isu terkait representasi sejarah setiap etnik melalui buku teks, kelihatan bukanlah topik perbincangan yang mengundang perhatian khalayak. Kertas ini berpandangan, meskipun keadaan itu menunjukkan wujudnya reaksi berbeza dari masyarakat dua negara ke atas inti pati buku teks masing-masing, namun, ia masih mempunyai perkaitan rapat dengan realiti ‘politik historiografi rasmi,’ seperti di dalam konteks Malaysia. Sepertimana faktor kedudukan buku teks sebagai historiografi rasmi bertindak mengundang kritikan di Malaysia, hal serupa jugalah beroperasi membawa kebalikan

untuk kes Singapura. Dalam hal ini, ternyata bahawa sudut pandang pemerintah dalam buku teks sejarah tidak sukar untuk meraih persetujuan khalayak (Christine, 2007). Isu-isu yang diutarakan dalam buku teks secara umum menjurus kepada sejarah moden Singapura dengan titik mulanya disandarkan pada pengasasan negara berkenaan oleh Stanford Raffles (Yeow, 2012). Penekanan ini menurut Tarulevicz (2009), begitu ketara dipengaruhi oleh pendirian pemerintah yang mahukan masyarakat mengetepikan fakta perbezaan asal-usul mereka, sebaliknya lebih fokus pada upaya memajukan negara yang plural kewargaannya. Kepada pemerintah Singapura, sejarah berupaya menjadi ‘agen pemisah’ kepada sesebuah masyarakat jika perspektif etnik dan juga asal-usulnya diberi penekanan utama dalam historiografi rasmi. Justeru, tumpuan pada sejarah moden negara itu dianggap sebagai jalan tengah meminimumkan sebarang bentuk pertikaian etnik, dalam masa sama, mempromosikan kepelbagaian budaya di Singapura (Yeow, 2012).

Sepertimana naratif buku teks sejarah di Malaysia menjadi cerminan idea nasionalisme yang dominan, begitu jugalah keadaannya bagi Singapura. Templat buku teks sejarah negara itu yang tidak disusun berdasarkan paradigma identiti kumpulan majoriti, mempunyai kaitan rapat dengan iltizam pemerintah untuk menjadikan multikulturalisme sebagai kerangka besar identiti nasional Singapura (Suvie, 1995). Komitmen ke atas cita-cita sosio-politik ini tergambar nyata, misalnya melalui dasar bahasa yang liberal di Singapura. Selain meraikan kepelbagaian bahasa pertuturan di sana sebagai bahasa rasmi, Singapura juga memberikan kedudukan istimewa pada bahasa Inggeris sebagai wadah komunikasi dalam kebanyakan urusan kehidupan (Patrick, 2011). Apresiasi pemerintah yang tinggi terhadap bahasa Inggeris, bukan sahaja menyatakan pegangan kuat mereka kepada idea multikulturalisme, malahan boleh dilihat sebagai usaha mendedahkan Singapura seluasnya pada persekitaran global. Bagi Kluver serta Weber (2003), Singapura ialah salah sebuah negara paling global hari ini, ekoran keterbukaan mereka menerima dan menyerap pelbagai kualiti alam sejagat yang meliputi bermacam aspek. Faktor ini difikirkan cukup penting dalam mempertimbangkan kedudukan historiografi rasmi Singapura yang tidak terlandas di atas paradigma etnik, sepertimana telah disentuh secara sepintas lalu tadi.

Di sinilah secara umumnya titik beza penerimaan khalayak terhadap wacana buku teks di kedua buah negara itu terserlah. Di satu pihak, idea nasionalisme yang bertunjangkan identiti dan budaya kumpulan majoriti telah ditekankan sebagai pentakrif utama identiti nasional; manakala di suatu pihak lagi, multikulturalisme serta globalisasi dijadikan tumpuan penting. Kedua bentuk idea nasionalisme ini telah dituangkan semangatnya ke dalam buku teks sejarah yang berfungsi sebagai instrumen pembinaan bangsa, masing-masing di Malaysia dan Singapura. Oleh kerana khalayak yang bakal mengguna pakai buku teks di kedua negara ini bersifat majmuk, maka, tahap penerimaan berbeza dapat dikenal pasti. Di Malaysia, wacana buku teks yang bertunjangkan idea nasionalisme etnik dianggap eksklusif, manakala di Singapura paradigma multikulturalisme dan globalisasi sebagai acuan naratif, dilihat terangkum, lantas, jarang dipermasalahkan. Dalam hal ini, nyatalah buku teks sejarah sebagai historiografi rasmi sesebuah negara tidak bersifat ‘statik.’ Sungguhpun dalam banyak keadaan, khususnya di negara bermasyarakat majmuk, historiografi rasmi sering mengundang kritikan ekoran darjah eksklusiviti yang tinggi, namun, untuk negara beracuan liberal dengan tunjangan utamanya globalisasi, kritikan-kritikan itu kelihatan berupaya diminimumkan. Segalanya bergantung pada idea nasionalisme yang didukung pemerintah untuk sesebuah negara, sama ada lebih bersifat etnik, sivik mahupun pecahan-pecahan lain.

Historiografi rasmi dari sudut ini jelaslah tidak bersifat ‘*autonomous*.’ Ia tidaklah berdiri sendiri atas sifatnya sebagai himpunan pengetahuan tentang masa lalu. Sungguhpun pada suatu segi, yang diperkatakan melalui teks-teks historiografi rasmi itu tidaklah lain, sekadar perincian sejarah sesebuah negara, namun pada dasarnya, maklumat-maklumat terpapar telah pun disaring, disesuaikan serta diselarikan dengan ‘pandangan-bangsa’ atau ‘bangsa-idaman’ seperti hujah Duara dan Shamsul itu tadi. Meskipun dalam kalangan komuniti sarjana, keadaan ini dilihat bertentang dengan falsafah sejarah yang mendukung tinggi objektiviti dan autonomi masa lalu (lihat Ahmat Adam, 2014), namun, pada tingkat realiti, kedudukannya sebagai instrumen pembinaan bangsa, seakan-akan tidak terelak. Seperti kata Alonso (1988), historiografi rasmi ialah instrumen utama yang tidak dapat tidak, akan sentiasa diguna pakai oleh pemerintah untuk meneruskan hegemoni negara ke atas anggota masyarakatnya (hlm. 41).

## **PENUTUP**

Dalam bentuk yang paling ringkas, kertas ini pada dasarnya cuba menghujahkan bahawa buku teks sejarah di kebanyakan negara tidaklah terlepas dari diguna sebagai instrumen sebaran idea nasionalisme pemerintah. Kedudukan itu sering menjadikan wacana buku teks subjek tumpuan kritikan masyarakat di kebanyakan negara, terutama yang majmuk sifatnya. Inilah yang berlaku di Malaysia, apabila wacana buku teks sukar diterima sebagai naratif bersama. Namun, dengan mengambil kira kes Singapura yang juga majmuk, kritikan itu kelihatan berupaya diminimumkan apabila pemerintah tidak menumpukan usaha membina naratif dari perspektif identiti kumpulan majoriti. Justeru, sungguhpun buku teks sering digunakan sebagai instrumen pembinaan bangsa, namun, jenis idea nasionalisme pemerintah juga mempengaruhi darjah penerimaan rakyat.

## **RUJUKAN**

- A. Bakar Sulaiman. (2011). Menulis kembali sejarah negara. Akses pada 1 Sep. 2016. Dari, [http://klscah.org.my/wp-content/uploads/2012/01/KemSMS-Lampiran-2\\_191211Bakar.pdf](http://klscah.org.my/wp-content/uploads/2012/01/KemSMS-Lampiran-2_191211Bakar.pdf).
- Abd. Ghapa Harun. (2011). Pendidikan sejarah sebagai dasar awam (public policy). Kertas kerja Seminar Reclaiming our History. K. Lumpur. 19 November.
- Abd. Ghapa Harun. (2012). Memahami permasalahan etnisiti dan identiti dan pengaruhnya ke atas historiografi negara berbagai kaum, Malaysia. Kertas kerja Seminar Sejarah, Etnisiti dan Identiti. K. Lumpur. 20 Jun.
- Ahmat Adam (2013). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. K. Lumpur: UM.
- Ahmat Adam (2014). Pendidikan sejarah di Malaysia dewasa ini: Sejauh manakah ia relevan kepada pembinaan *nasion*? *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 2 (1): 101-113.
- Alonso, Ana Maria. (1988). The effect of truth: re-representation of the past and the imagining of community, *Journal of Historical Sociology* 1 (1), 33-57.
- Ann, Low-Beer. (2003). School history, national history and the issue of national identity. *International Journal of Historical Learning, Teaching and Research* 3 (1), 1-6.
- Apple, M. W. (1993). The politics of official knowledge: does a national curriculum make sense? *Teachers Colloge Record* 95 (2), 222-241.
- Apple, M. W. (2004). Cultural politics and the text. Dlm. Ball, S (ed.). *Sociology of Education*, (h. 179-195). London: Routledge.
- Aziz Deraman. (1987). Perancangan dan pentadbiran kebudayaan di Malaysia. Dlm. Anon. (ed.). *Pertemuan Dunia Melayu '82* (h. 3-40). K. Lumpur: DBP.

- Berger, Stefan. (2006). National Historiographies in Transnational Perspective: Europe in the Nineteenth and Twentieth Centuries. *Storia della Storiografia* 50, 03-26.
- Centre for Policy Initiatives. (2011). Penambahbaikan sukatan pelajaran dan buku teks sejarah sekolah menengah. Akses pada 1 Sep. 2016. Dari, <http://klscah.org.my/wp-content/uploads/2012/01/KemSMS-lampiran3 191211-CPI.pdf>.
- Christine, Han. (2007). History education and ‘Asian’ values for ‘Asian’ democracy: the case of Singapore. *Compare: Journal of Comparative & International Education* 37(3), 383-398.
- Cheah, Boon Kheng. (2003). Ethnicity, politics, and history textbook controversies in Malaysia. *American Asian Review* XXI (4), 229-252.
- Duara, P. (1996). Historicizing national identity, or who imagines what and when. Dlm. Eley, G. & Suny R. G. (ed.). *Becoming National—A Reader* (h. 151-178). Oxford University Press.
- Goh, Daniel P. S. (2008). From colonial pluralism to postcolonial multiculturalism: race, state formation and the question of cultural diversity in Malaysia and Singapore, *Sociology Compass* 2 (1), 232-252.
- Hanapiah Sudin. (1992). Pengenalan. Dlm. Anon. *Sejarah dalam Pendidikan* (h. ix-xv). K. Lumpur: DBP.
- Haynes J. (1996). *Third world politics: a concise introduction*. New York: Wiley-Blackwell.
- Helen, Ting. (2009). Malaysian history textbooks and the discourse of Ketuanan Melayu. Dlm. Goh, Daniel et. al. *Race and Multiculturalism in Singapore and Malaysia* (h. 36-52). Oxon: Routledge.
- Kluver, R & Weber, I (2003). Patriotism and the limits of globalization: renegotiating citizenship in Singapore. *Journal of Communication Inquiry* 27 (4), 371-388.
- Kymlicka, Will. (1998). *Finding our way: rethinking ethnocultural relations in Canada*. Toronto: Oxford University Press.
- Liu, J. H. (2012). A cultural perspective on intergroup relations and social identity. *Online Readings in Psychology and Culture*, 5(3), 1-16.
- Malaysiakini. 8 Nov. 2013. Akses pada 28 Feb. 2017. Dari, <http://www.malaysiakini.com/letters/246150>.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2014). *Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. K. Lumpur: ITBM & Penerbit UUM.
- Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir & Zubaidah Hamzah. (2016). Kesedaran sejarah dan agensinya dalam konteks Malaysia. *Prosiding Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia 2016*.
- Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir & Zubaidah Hamzah. (2016). Multikulturalisme dalam naratif sejarah nasional: menyingkap pengalaman Malaysia. *Prosiding International Seminar on Multi Ethnic and Cross Culture (ISMEC) 2016*.
- Partington, Geoffrey. (1985). How can curricula be analyzed? the case for history syllabuse, *The History Teacher* 18 (2), 169-188.
- Patrick, Ng. (2011). Language planning in action: Singapore’s multilingual and bilingual policy. *Ritsumeikan Journal of Asia Pacific Studies* 10, 1-12.
- Ramlah Adam. (1998). *Kemelut politik semenanjung Tanah Melayu*. K. Lumpur: Penerbit UM.
- Roff, Margaret. (1967). The Politics of Language in Malaya. *Asian Survey* 7 (5), 316-328.
- Rupawan Ahmad & Zubaidah Hamzah. (1998). Sejarah sebagai medium sosialisasi politik. Dlm. Kamaruzaman Yusoff et. al. *Sejarah, Bahasa dan Sastera dalam Pembinaan Negara Bangsa* (h. 1-17). Bangi: FSKK.
- Sandra, Khor Manickham. (2005). Textbook and nation construction in Malaysia. *Asia-Pacific Forum* 28 (6), 78-89.
- Santhiram, R. (1997). Curriculum materials for national integration in Malaysia – Match or mismatch. *Asia Pacific Journal of Education* 17(2), 7-18.



- Saran Kaur, Gill. (2005). Language policy in Malaysia: reversing direction. *Language Policy* 4 (3), 241- 260.
- Shamsul A. B. (1996). Nation of intent in Malaysia. Dlm. Stein, Tonnesson & Hans, Antlov (ed.). *Asian Forms of the Nation* (h. 323-347). London, Curzon Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2011). *Kesepaduan dalam kepelbagaian: perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2016). Sejarah untuk semua: antara fakta, tafsiran dan pandangan umum. *Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM* 8.
- Smith, A. D. (1989). *The Ethnic origins of nation*. Oxford: Blackwell.
- Smith, A. D. (1991). *National identity*. London: Penguin.
- Suvie, Khong (1995). One people, one nation, one Singapore: the construction of multiculturalism in Singapore. Tesis M. A. Edith Cowan University.
- The Sun Daily. 13 Nov. 2013. Akses pada 28 Feb. 2017. Dari, <http://www.thesundaily.my/node/230433>
- Utusan Malaysia, 24 Okt. 2010.
- Utusan Malaysia, 25 Okt. 2010.